

MAHATHIR-SAHAM

(1)

1980

KUALA LUMPUR, 26 MEI (BERNAMA) — KERAJAAN TELAH BERHENTI MENJUAL KEPADA BUMIPUTERA PERSEORANGAN SAHAM 30 PERATUS YANG DIPERUNTUKKAN KEPADA BUMIPUTERA OLEH SYARIKAT-SYARIKAT SWASTA, KATA DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD HARI INI.

KERAJAAN BERTINDAK DEMIKIAN SEJAK SEPTEMBER TAHUN LALU BERIKUTAN SATU KAJIAN YANG DIJALANKAN OLEH KEMENTERIAN PERDAGANGAN DAN PERINDUSTRIAN YANG MENUNJUKKAN BAHAWA BUMIPUTERA-BUMIPUTERA PERSEORANGAN TELAH MENJUALKAN SEMULA SAHAM-SAHAM MEREKA KEPADA ORANG-ORANG BUKAN BUMIPUTERA UNTUK MENDAPATKAN +KEUNTUNGAN YANG CEPAT+.

SAHAM SEBANYAK 30 PERATUS ITU YANG DIKHASKAN OLEH SYARIKAT-SYARIKAT SWASTA UNTUK BUMIPUTERA DIKENDALIKAN OLEH BAHAGIAN INDUSTRI KEMENTERIAN PERDAGANGAN DAN PERINDUSTRIAN. BUMIPUTERA PERSEORANGAN DIBENARKAN MEMBELI 2,000 SAHAM SEORANG, SEMENTARA PERBADANAN-PERBADANAN BOLEH MEMBELI SEHINGGA 5,000 SAHAM.

TIMBALAN PERDANA MENTERI YANG MEMBERITAHU DEMIKIAN KEPADA PARA PEMBERITA SELEPAS MERASMIKAN PERSIDANGAN PARA MENTERI BURUH ASEAN YANG KETIGA BERKATA, SEBUAH UNIT TABUNG AMANAH BUMIPUTERA SEDANG DITUBUHKAN UNTUK MEMEGANG SAHAM-SAHAM YANG DIPERUNTUKKAN KEPADA BUMIPUTERA.

SEMENTARA MENUNGGU PENUBUHAN TABUNG TERSEBUT, PIHAK KEMENTERIAN AKAN TERUS MENJUAL SAHAM-SAHAM TERSEBUT KEPADA PERBADANAN-PERBADANAN BUMIPUTERA. — BERSAMBUNG 1809/A1

B607:

MAHATHIR-SAHAM 2 KUALA LUMPUR

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA: +KAMI TAHU SIAPA BUMIPUTERA YANG MEMBELI SAHAM-SAHAM YANG DIPERUNTUKKAN ITU DAN KEMUDIAN MENJUALKANNYA SEMULA UNTUK MENDAPATKAN KEUNTUNGAN DENGAN CEPAT.+

SAHAM-SAHAM YANG DIPERUNTUKKAN ITU BERTUJUAN MEMBOLEHKAN BUMIPUTERA MEMILIKI 30 PERATUS DARI EQUITI SYARIKAT-SYARIKAT SWASTA DI BAWAH DASAR EKONOMI BARU. — BERNAMA 1812/A1